

SIARAN MEDIA

PENUBUHAN MAJLIS EKONOMI KITARAN BAGI SISA PEPEJAL PERCEPAT AGENDA PERALIHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DARIPADA EKONOMI LINEAR KEPADA EKONOMI KITARAN SECARA HOLISTIK

PUTRAJAYA, 7 September 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah mengumumkan penubuhan Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal dalam satu sidang media di Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pagi ini.

Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal ini merupakan satu inisiatif berimpak tinggi untuk sektor pengurusan sisa pepejal. Penubuhannya telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Ogos 2023 lalu sebagai satu platform nasional yang menggunakan pendekatan keseluruhan negara (*the whole of nation approach*) bagi menyatukan semua pemegang taruh untuk mempercepatkan agenda peralihan pengurusan sisa pepejal daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran secara holistik.

Struktur Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal terdiri daripada **tiga peringkat** iaitu:

- i. **Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal** yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
- ii. **Jawatankuasa Pemandu** yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKT; dan
- iii. **Jawatankuasa Teknikal** yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Perancangan dan Persekitaran Mampan, KPKT;

Sekretariat Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal akan ditubuhkan di bawah KPKT bagi melancarkan tadbir urus Majlis ini.

Majlis Ekonomi kitaran Bagi Sisa Pepejal akan memberi tumpuan kepada enam (6) elemen yang menyokong ekosistem ekonomi kitaran iaitu:

- (a) Membangunkan pasaran dan permintaan terhadap bahan kitar semula;

- (b) Mereka bentuk produk yang dapat mengoptimumkan kitaran hayat melalui penggunaan semula, kitar semula dan mesra alam;
- (c) Menggalakkan pengasingan sisa di punca dan menambah baik sistem kutipan sisa pepejal;
- (d) Menyediakan kemudahan infrastruktur dan insentif yang bersesuaian;
- (e) Membangunkan sistem data yang bersepadu; dan
- (f) Mewujudkan platform kerjasama awam, swasta dan komuniti.

Menurut YB KM, “Pengurusan sisa pepejal berkonsepkan ekonomi kitaran berpotensi merancakkan aktiviti ekonomi masyarakat melalui pewujudan peluang perniagaan baharu apabila permintaan dan pasaran barangan kitar semula meningkat. Peluang ini akan membuka lebih banyak tawaran pekerjaan dalam rantaian nilai ekonomi kitaran seperti reka cipta, perkhidmatan sewaan (*rent*), perkhidmatan pembaikan (*repair*), pembuatan semula (*remanufacturing*) dan aktiviti kitar semula (*recycle*).”

Sesi libat urus dengan pemegang taruh yang terlibat telah diadakan bagi mendapatkan pandangan dan cadangan berhubung penubuhan Majlis. Antara pemegang taruh yang terlibat adalah semua Pihak Berkuasa Negeri, semua Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), pihak industri, Persatuan-persatuan dan Badan - Badan Bukan Kerajaan (NGO).

KPKT akan terus komited bekerjasama dengan semua pemegang taruh terutama pihak swasta dalam menggembeleng usaha dan sumber selari dengan matlamat Pembangunan Bersih, Hijau dan Berdaya Tahan melalui pendekatan keseluruhan negara seperti yang digariskan di bawah RMKe-12.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Persekitaran Mampan) KPKT serta barisan pengurusan tertinggi kementerian dan agensi di bawah KPKT. Turut hadir wakil-wakil daripada Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA), Wakil Tetra Pak Malaysia dan wakil-wakil daripada pemegang taruh.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@pkt.gov.my*

